

Pasukan UMS cemerlang di Floria Putrajaya 2013

UM 17-7-13 26

KOTA KINABALU 16 Julai - Pasukan Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang menyertai Pesta Floria Putrajaya di Tasik Putrajaya Presint 2 baru-baru ini tampil cemerlang apabila berjaya membawa pulang dua anugerah iaitu *Floria Garden Starlight Award* dan *Floria Garden Creative Award*.

Dekan Sekolah Pertanian Lestari (SPL) UMS, Dr. Sitti Raehanah Muhammad Shaleh berkata, kejayaan itu bukan sahaja memartabatkan nama UMS di pertandingan tersebut, malah menaikkan nama SPL dalam bidang pertanian terutama pengkhususan hortikultur dan landskap.

"Penyertaan pelajar SPL khususnya dari Program Hortikultur dan Landskap dilihat mampu mendedahkan mereka kepada aspek pengurusan dan pembinaan taman yang indah dan lestari," katanya.

Berbekalkan tema *Orchids: The Wonderful Secrets Revealed*, pada tahun ini pasukan UMS telah berjaya membina sebuah taman yang menarik ramai pengunjung kerana keunikannya yang tersendiri.

Sitti Raehanah berkata, elemen buluh dan tumbuhan tropika telah

berjaya menonjolkan keindahan pokok orkid yang terdiri dari pelbagai warna.

Katanya, taman UMS itu hasil inspirasi keindahan rumah percutian berkonsepkan tropika dan juga spa mewah yang menjadi tumpuan pelbagai lapisan masyarakat untuk merehatkan minda sambil mencari ketenangan.

Seramai 10 pelajar yang mewakili UMS pada tahun ini ialah Normala Daud, Iganatia Ebi, Harniza Ishak, Marziah Ahmad, Siti Hazami Yacob, Nurul Husna, Adzlin Hairi, Mohd Hafizul, Anwar Hazim dan Anwar Tawe.

Pensyarah pembimbing, Shahida Mohd. Sharif berkata, penyertaan pelajar SPL dalam pertandingan tersebut mampu memberikan nilai tambah dalam pembinaan sahsiah dan disiplin para pelajar dalam menyiapkan tugas mengikut masa yang ditetapkan.

"Penghargaan diucapkan atas komitmen para pelajar yang terlibat dalam membina taman tersebut biarpun jauh dari kampus kami di Sandakan serta berdepan dengan pelbagai isu logistik dan pengangkutan," ujarnya.



PASUKAN Universiti Malaysia Sabah bersama rekaan landskap taman yang berjaya membawa pulang dua anugerah iaitu *sempena Pesta Floria Putrajaya di Tasik Putrajaya, Presint 2, Putrajaya, baru-baru ini.*